

Ruj. Kami : ANM.PK.A 600-1/8 Jld. 2 (3)
Tarikh : 08 Februari 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

TARIKH PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT, TERIMAAN, DEPOSIT DAN AMANAH BAGI TAHUN 2022

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah diminta mengemukakan Sijil Pengesahan Baki (SPB) selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) seperti berikut:

- 2.1 **Vot** - SPANM Bil.7 Tahun 2018 menetapkan bahawa SPB hendaklah dikemukakan ke Pejabat Perakaunan **selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya;**
- 2.2 **Terimaan** - SPANM Bil.3 Tahun 2019 menetapkan bahawa SPB hendaklah dikemukakan ke Pejabat Perakaunan **selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya;**
- 2.3 **Deposit** - SPANM Bil.4 Tahun 2019 menetapkan bahawa SPB dan Senarai Baki Pendeposit hendaklah dikemukakan ke JANM Negeri/Cawangan dan disalinkan kepada Bahagian Akaun Kementerian dalam tempoh **14 hari dari hari pertama bekerja bulan berikutnya;** dan
- 2.4 **Amanah** - SPANM Bil.4 Tahun 2021 menetapkan bahawa SPB perlu dikemukakan kepada PTJ Dipertanggung dan disalinkan kepada JANM Negeri/Cawangan dalam tempoh **14 hari dari tarikh laporan PTJ dijana.**

3. Kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah diminta untuk mematuhi tarikh penghantaran SPB seperti berikut:

BULAN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN SPB	
	VOT / TERIMAAN / AMANAH	DEPOSIT
Januari	14/02/2022	16/02/2022

Februari	14/03/2022	14/03/2022
Mac	14/04/2022	14/04/2022
April	13/05/2022	18/05/2022
Mei	14/06/2022	14/06/2022
Jun	14/07/2022	14/07/2022
Julai	12/08/2022	12/08/2022
Ogos	14/09/2022	14/09/2022
September	14/10/2022	14/10/2022
Oktober	14/11/2022	14/11/2022
November	14/12/2022	14/12/2022
Disember	13/01/2023	13/01/2023

4. Surat peringatan akan dikeluarkan sekiranya pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan tidak menghantar SPB pada tarikh yang telah ditetapkan.

5. Untuk pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai Unit Akaun, JANM Negeri Perak di talian 05-2462100 sambungan 145/124/123/122/121/110/107. Keprihatinan YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

**UNIT AKAUN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**